

Bil. 1

**Isnin
24 Jun 2013**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGAL PERTAMA
MESYUARAT PERTAMA**

K A N D U N G A N

PROKLAMASI SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG MEMANGGIL PARLIMEN UNTUK BERMESYUARAT	(Halaman 1)
MEMILIH TUAN YANG DI-PERTUA	(Halaman 2)
TUAN YANG DI-PERTUA MENGANGKAT SUMPAH	(Halaman 3)
AHLI-AHLI MENGANGKAT SUMPAH	(Halaman 5)
MEMILIH DUA ORANG TIMBALAN YANG DI-PERTUA	(Halaman 12)
USUL: Jalan-jalan Masuk Ke Parlimen	(Halaman 13)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT PERTAMA
Isnin, 24 Jun 2013
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

PROKLAMASI SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG
MEMANGGIL PARLIMEN UNTUK BERMESYUARAT

10.04 pg.

Setiausaha [Datuk Roosme binti Hamzah]: *[Membaca Proklamasi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong]*

“PROKLAMASI OLEH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG, DENGAN KURNIA ALLAH, KETUA UTAMA NEGARA BAGI NEGERI-NEGERI DAN WILAYAH-WILAYAH MALAYSIA.”

BAHAWASANYA, Parlimen telah dibubarkan pada tiga hari bulan April, dua ribu tiga belas;

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Fasal (4) Perkara 55 Perlembagaan Persekutuan bahawa Parlimen hendaklah dipanggil bermesyuarat pada suatu tarikh yang tidak lewat daripada seratus dua puluh hari dari tarikh pembubaran itu;

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, BETA, ALMU'TASIMU BILLAHI MUHIBBUDDIN TUANKU AL-HAJ ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH IBNI ALMARHUM SULTAN BADLISHAH, dengan Kurnia Allah, Yang di-Pertuan Agong bagi Negeri-negeri dan wilayah-wilayah Malaysia, pada menjalankan kuasa yang diberi kepada BETA di bawah Perkara 55 Perlembagaan Persekutuan DENGAN INI MEMANGGIL Parlimen untuk bermesyuarat dan menetapkan dua puluh empat hari bulan Jun, dua ribu tiga belas, dan pada pukul sepuluh pagi, sebagai tarikh dan waktu bagi Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Parlimen Malaysia Yang Ketiga Belas yang akan diadakan di Bangunan Parlimen di Kuala Lumpur, Ibu Kota Persekutuan.

DIPERBUAT di Istana Negara Beta di Kuala Lumpur, Ibu Kota Persekutuan pada dua puluh dua hari bulan Mei dua ribu tiga belas.

Dengan Titah Perintah Baginda

t.t.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak

Perdana Menteri”

MEMILIH TUAN YANG DI-PERTUA

Setiausaha: Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut Perkara 57 Perlembagaan Persekutuan dan mengikut aturan yang dinyatakan di dalam Peraturan Mesyuarat 1, Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat akan menjalankan urusan memilih Yang di-Pertua.

Saya telah menerima dua cadangan untuk pemilihan Yang di-Pertua. Cadangan itu datang daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam suratnya bertarikh Khamis, 6 Jun 2013 dan daripada Yang Berhormat Bandar Tun Razak, Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim bertarikh Isnin, 10 Jun 2013.

Oleh yang demikian, saya dengan segala hormatnya mempersilakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengemukakan cadangan memilih Tuan Yang di-Pertua.

Perdana Menteri dan Menteri Kewangan I [Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak]: Datuk Setiausaha, saya mencadangkan bahawa Yang Berhormat Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia [*Tepuk*] dipilih menjadi Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan mengikut Peraturan Mesyuarat 4(1), saya telah memastikan bahawa beliau bersetuju untuk berkhidmat jika dipilih.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pendidikan I [Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin]: Datuk Setiausaha, saya menyokong cadangan itu. [*Tepuk*]

Setiausaha: Yang Berhormat Ahli Bagi kawasan Bandar Tun Razak dipersilakan untuk mengemukakan cadangan memilih Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]: Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Datuk Setiausaha Dewan, saya bagi pihak rakan-rakan Pakatan Rakyat, ingin mencadangkan Datuk Abdul Kadir Sulaiman [*Tepuk*], bekas Hakim Mahkamah Persekutuan dan juga Penasihat beberapa organisasi terkemuka di Malaysia untuk dilantik sebagai Tuan Yang di-Pertua. Beliau saya jemput hadir dan menyatakan persetujuan beliau jika dipilih. [*Tepuk*] Saya meminta Dewan dapat boleh melaksanakan pemilihan secara undi.

Setiausaha: Tan Sri dipohon penyokong. Siapa menyokong?

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Datuk Setiausaha..[*Dewan riuh*]

Setiausaha: Siapa menyokong?

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Saya menyokong cadangan itu. Datuk Setiausaha, saya menyokong cadangan itu tadi. [*Tepuk*]

Setiausaha: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab terdapat lebih dari seorang yang telah dicadangkan dan disokong untuk menjadi Tuan Yang di-Pertua, maka mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 4(3), Majlis Mesyuarat akan membuat pilihan memilih Tuan Yang di-Pertua dengan undi bersurat.

Bagi maksud pilihan undi bersurat, pegawai-pegawai Dewan akan mengedarkan kertas-kertas undi kepada Yang Berhormat Ahli-ahli. Ahli-ahli Yang Berhormat diharap dapat mengisikan kertas itu dengan sempurna dan menuliskan nama calon yang dipilih dan menandatangani. Selepas itu, lipatkan kertas itu dan serahkan kepada Setiausaha. Saya akan mengumumkan keputusan itu sebaik sahaja ia dikira.

Pegawai-pegawai Dewan yang berkenaan, sila datang ke meja Setiausaha dan ambil kertas-kertas undi dan edarkan kepada Yang Berhormat Ahli-ahli di blok masing-masing.

Ahli-ahli Yang Berhormat semua, diharap sudah menerima.

Beberapa Ahli: Belum, belum

Setiausaha: Okey, *checking, checking*.

[*Pengundian dijalankan*]

[Pengiraan undi dijalankan]

■1030

Setiausaha: Ahli-ahli Yang Berhormat, keputusan undi adalah Yang Berhormat Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia mendapat 133 undi. *[Tepuk]* Yang Berbahagia Datuk Abdul Kadir Sulaiman mendapat 89 undi. *[Tepuk]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, maka menurut Peraturan Mesyuarat 4(3), saya dengan ini memasyhurkan bahawa Yang Berhormat Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia dipilih sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. *[Tepuk]* Maka dengan itu, Majlis Mesyuarat dengan segala hormatnya mempersilakan Yang Berhormat Tan Sri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia masuk ke Dewan.

[Yang Berhormat Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia masuk ke dalam Dewan dan dipakaikan jubah oleh Setiausaha, kemudian menuju ke Kerusi]

TUAN YANG DI-PERTUA MENGANGKAT SUMPAAH

Tuan Yang di-Pertua: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Saya Pandikar Amin bin Haji Mulia, setelah dipilih memegang jawatan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dengan sesungguhnya bersumpah bahawa saya akan dengan jujur menunaikan kewajipan-kewajipan jawatan itu dengan segala daya upaya saya bahawa saya akan menumpahkan taat setia yang sebenar kepada Malaysia dan akan memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagaannya. *[Tepuk]*

[Tuan Yang di-Pertua menurunkan tandatangan pada Buku Sumpah dan Ikrar]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya bersyukur kerana diberi rezeki iaitu kedudukan yang tinggi sebagai Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Sehubungan dengan itu, saya amat berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang masing-masing telah mencadang dan menyokong usul untuk saya dipilih sebagai Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Saya juga berterima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memilih saya dalam proses memilih Yang di-Pertua sebentar tadi. Walaupun bukan semua Ahli-ahli memilih saya sebagai Yang di-Pertua, namun saya rasa begitu bertuah dan bangga kerana berpeluang bersama-sama dengan 222 orang Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian menggalas tanggungjawab untuk rakyat sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, selangkah demi selangkah kita menuju ke arah demokrasi matang, proses ini sememangnya mengambil masa. Proses memilih Yang di-Pertua melalui pertandingan seperti yang kita laksanakan sebentar tadi adalah antara langkah-langkah yang saya maksudkan itu. Walaupun ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang menghendaki cara memilih Yang di-Pertua Dewan Rakyat iaitu berlainan dengan cara kita sekarang ini seperti yang digariskan di dalam Peraturan Mesyuarat 4, namun tidak bermakna bahawa Peraturan Mesyuarat 4 adalah *outdated* ataupun terpesong dari lunas-lunas tuntutan demokrasi yang matang. Pasti dari semasa ke semasa perubahan atau pindaan kepada cara kita mengendalikan persidangan akan dibuat mengikut keperluan ataupun tuntutan semasa.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sejak beberapa tahun kebelakangan ini, saya telah mendengar beberapa seruan yang sering kali dilaungkan oleh pemimpin-pemimpin dan rakyat akar umbi seperti 'ubah', 'transformasi', 'reformasi', 'ini kalilah', kalau bukan kita siapa lagi, kalau bukan sekarang bila lagi. Bagi mereka yang telah mempopularkan seruan-seruan ini, mungkin mereka mempunyai pengertian yang tersendiri. Akan tetapi bagi saya, seruan-seruan ini bermesej iaitu menyeru mengubah sikap untuk membuat kebaikan. Maka

bertolak dari roh maksud tafsiran ini, saya menyeru Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian untuk membudayakannya sewaktu bertugas di Dewan Rakyat. Ayuh kita ubah, kita mereformasi, kita bertransformasi, kalau bukan kita siapa lagi, kalau bukan sekarang bila lagi, ini kalilah. *[Ketawa] [Tepuk]*

Ini kalilah kita julang memartabatkan Parlimen Malaysia ke tahap yang tinggi dengan menunjukkan sikap seperti yang disebut oleh *Erskine May* dalam buku *Parliamentary Practice*, Edisi ke-23 muka surat 440 dalam bahasa Inggerisnya, “*good temper and moderations are the characteristics of parliamentary language. Parliamentary language is never more desirable than when a Member is canvassing the opinions and conduct of his opposition in debate*”.

Jadi saya alih bahasakan lebih kurang begini, “*kesabaran dan kesederhanaan adalah ciri-ciri berbahas di Parlimen. Bahasa Parlimen adalah lebih menggamit apabila seseorang Ahli sewaktu berbahas dapat mempengaruhi pendapat dan pendirian pihak lawan*”.

Di pihak saya, saya bertekad untuk berubah seperti mana yang Ahli-ahli Yang Berhormat nampak dan lihat, pada hari pertama persidangan hari ini, jubah yang saya pakai telah ditransformasi, reka bentuk dan *desigmya* canggih, menggamit dan selesa dari yang dulu. Sementara itu, dalam hal-hal ini berhubung dengan pengendalian Majlis Mesyuarat, pasti stailnya juga akan berbeza dari Parlimen Kedua Belas. Di samping itu, saya perhatikan tempat duduk Ahli-ahli Yang Berhormat terutama sekali daripada pihak pembangkang telah juga diubah mengikut kekananan sebagai sebuah parti berbeza dengan semasa Parlimen Kedua Belas di mana tempat duduk Ahli-ahli mengikut blok parti masing-masing. Saya harap perubahan ini akan disusuli oleh perwujudan barisan kabinet bayangan atau *shadow cabinet* untuk memudahkan pengendalian perbahasan dalam konteks mengenal pasti pembahas-pembahas utama dari pihak pembangkang.

Akhir sekali saya berjanji akan cuba menunaikan tugas-tugas saya dengan adil dan saksama seperti mana sumpah yang telah saya lafazkan tadi. Marilah kita sama-sama menunaikan tanggungjawab sebagai Ahli Dewan yang mulia dengan penuh dedikasi, beramanah dan berkesan. Sama-samalah kita beriltizam dan bekerjasama untuk memacu dan menjayakan hala tuju membina masa depan negara ini terus maju demi kesejahteraan dan keharmonian rakyat seluruhnya. Sekian, terima kasih. *[Tepuk]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 4(7), sekarang saya meminta Setiausaha menyimpan kertas-kertas undi yang telah dijalankan dalam pengundian tadi dalam peti undi dan dilarikan. Peti undi yang telah dilarikan itu akan disimpan di bawah jagaan Setiausaha selama satu bulan dan selepas itu tertakluk kepada apa-apa perintah yang diterima daripada Majlis Mesyuarat ini, Setiausaha hendaklah membakar kertas-kertas undi itu dan seterusnya mengesahkan kepada Majlis Mesyuarat ini bahawa kertas-kertas undi telah dibakar.

■1040

Datuk Setiausaha, sebelum kita meneruskan saya ada komen sedikit. Ahli-ahli Yang Berhormat ini mengenai dengan Peraturan Mesyuarat di bawah Perkara 59(1) Perlembagaan kita, pada hari pertama ini sebenarnya Ahli-ahli Yang Berhormat tidak berhak untuk menyuarakan *point of orders* sebelum mengangkat sumpah, *[Dewan riuh]*, sebelum mengangkat sumpah. Kehadiran Ahli-ahli Yang Berhormat di sini adalah atas jemputan untuk memilih Tuan Yang di-Pertua dan tidak lebih daripada itu. *[Dewan riuh]*

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Shah Alam sudahlah, Yang Berhormat Shah Alam sudahlah.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Mana mungkin kita buat pemilihan tidak mengikut peraturan mesyuarat, mesti ikut peraturan mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Shah Alam.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Walaupun, walaupun, walaupun... pentaksiran

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada, tidak ada, tidak ada. Sebelum angkat sumpah *cannot take your seat. You cannot take your seat.*

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Tidak ada peraturan, tidak ada peraturan. Ini sepatutnya tidak betul Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Sepatutnya, untuk mentaksir soal Peraturan Mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua: Sila. Yang Berhormat Pokok Sena sudah, Yang Berhormat Pokok Sena.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Jadi kalau begitu kalau Setiausaha buat salah pun kami kena ikutlah?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pokok Sena, sudahlah Yang Berhormat Pokok Sena.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua...

Seorang Ahli: Malu, malu, malu.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Tidak apa Tuan Yang di-Pertua tidak payah tunggu sebulan, selepas ini boleh bakarlah.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar: Awat tak cerdik sampai tua ni?

Tuan Yang di-Pertua: Sila Setiausaha.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Kalau begitu lain kali kita angkat sumpah dahulu baru kita undi Tuan Yang di-Pertua. Kalau tidak kita ini belum angkat sumpah macam mana boleh undi. *[Dewan riuh]*

Datuk Saravanan a/l Murugan [Timbalan Menteri Belia dan Sukan]: Kena ubah Perlembagaan Yang Berhormat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Arau]: Pi buat undang-undang sendirilah!

Seorang Ahli: Angkat sumpah....

Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]: Buat Dewan sendirilah! Apalah...

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tidak mengaji sekolahkah?

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang, sila.

Seorang Ahli: Ada pula angkat sumpah dahulu baru pilih speaker.

AHLI-AHLI MENGANGKAT SUMPAAH

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sampailah kita kepada upacara Mengangkat Sumpah. Untuk menjimatkan masa saya meminta Ahli-ahli Yang Berhormat keluar daripada tempat duduk masing-masing dan berjalan menuju ke rostrum yang disediakan kerana di situ Ahli Yang Berhormat akan mengangkat sumpah mengikut senarai yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli-ahli akan dipanggil mengikut kawasan sekiranya perlu. Ahli-ahli akan mengangkat sumpah di rostrum yang ada di hadapan dan akan dibekalkan dengan format apa yang dilafazkan sewaktu mengangkat

sumpah menurut Jadual 6 dalam Perlembagaan. Selepas membaca perkataan 'saya...' dalam teks Sumpah disediakan di atas rostrum berkenaan, sebut nama.

Semasa seorang ahli sedang mengangkat sumpah, ahli-ahli lain telah sedia bergerak meninggalkan tempat duduk masing-masing. Dalam tempoh yang sama tiga orang ahli telah sedia berdiri di belakang ahli yang sedang mengangkat sumpah. Sebaik sahaja ahli yang mengangkat sumpah selesai, ahli yang berkenaan akan terus menandatangani buku sumpah dan ikrar yang ada di atas meja yang telah disediakan dan kemudian balik ke tempatnya. Sementara itu, ahli yang menunggu di belakang terus mara mengangkat sumpah mengikut susunan gilirannya dan kekosongan tempatnya digantikan oleh ahli lain yang sedang menunggu di laluan hala menuju ke tempat mengangkat sumpah dan seterusnya.

Sekarang saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengangkat sumpah, diikuti oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan seterusnya, Ahli-ahli Yang Berhormat lain. Silakan.

[Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah]:

1. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak.
2. Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin
3. Yang Berhormat Datuk Seri G. Palanivel
4. Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz
5. Yang Berhormat Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussien
6. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal
7. Yang Berhormat Dato' Sri Mustapa Mohamed
8. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili
9. Yang Berhormat Dato' Sri Douglas Uggah Embas

■1050

10. Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi.
11. Yang Berhormat Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek.
12. Yang Berhormat Datuk Seri Dr. S. Subramaniam.
13. Yang Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob.
14. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah.
15. Yang Berhormat Dato' Sri Anifah bin Haji Aman.
16. Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum.
17. Yang Berhormat Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup.
18. Yang Berhormat Datuk Joseph Entulu anak Belaun.
19. Yang Berhormat Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim.
20. Yang Berhormat Datuk Haji Fadillah bin Yusof.
21. Yang Berhormat Dato' Hasan bin Malek.
22. Yang Berhormat Datuk Richard Riot anak Jaem.
23. Yang Berhormat Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor.

24. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Idris Jusoh.
25. Yang Berhormat Dato' Seri Shahidan bin Kassim.
26. Yang Berhormat Tuan Khairy Jamaluddin.

■ 1100

27. Yang Berhormat Dato' Abd. Rahman Dahlan
28. Yang Berhormat Puan Hajah Nancy binti Shukri
29. Yang Berhormat Datuk Dr. Ewon Ebin
30. Yang Berhormat Dato' Noriah binti Kasnon
31. Yang Berhormat Datuk Saravanan a/l Murugan
32. Yang Berhormat Dato' Hamzah bin Zainudin
33. Yang Berhormat Datuk Abdul Rahim bin Bakri
34. Yang Berhormat Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin
35. Yang Berhormat Dato' Razali bin Ibrahim
36. Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan
37. Yang Berhormat Dato' Dr. James Dawos Mamit
38. Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar
39. Yang Berhormat Dato' Seri Mahdzir Khalid
40. Yang Berhormat Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun
41. Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya
42. Yang Berhormat Datuk Halimah binti Mohd. Sadique
43. Yang Berhormat Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi

■1110

44. Yang Berhormat Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman
45. Yang Berhormat Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri
46. Yang Berhormat Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan
47. Yang Berhormat Dato' Jailani bin Johari
48. Yang Berhormat Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin
49. Yang Berhormat Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib
50. Yang Berhormat Datuk Alexander Nanta Linggi
51. Yang Berhormat Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah
52. Yang Berhormat Tuan Liang Teck Meng
53. Yang Berhormat Datuk Raime Unggi
54. Yang Berhormat Dato' Abdul Manan Ismail
55. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang
56. Yang Berhormat Datuk Juslie bin Haji Ajirol
57. Yang Berhormat Datuk Sapawi bin Hj. Ahmad
58. Yang Berhormat Tuan Masir Kujat

59. Yang Berhormat Datuk Madius bin Tangau
60. Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Wahab bin Haji Dolah

■1120

61. Yang Berhormat Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad
62. Yang Berhormat Dato' Othman bin Aziz
63. Yang Berhormat Datuk Zahidi bin Zainul Abidin
64. Yang Berhormat Datin Linda Tsen Thau Lin
65. Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang
66. Yang Berhormat Puan Mas Ermieyati binti Samsudin
67. Yang Berhormat Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali
68. Yang Berhormat Tuan Nogeh anak Gumbek
69. Yang Berhormat Tuan Wilson Ugak anak Kumbong
70. Yang Berhormat Puan Rubiah binti Haji Wang
71. Yang Berhormat Tuan Khoo Soo Seang
72. Yang Berhormat Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah
73. Yang Berhormat Dato' Henry Sum Agong
74. Yang Berhormat Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman
75. Yang Berhormat Tuan Anuar bin Abd. Manap
76. Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris
77. Yang Berhormat Tuan Haji Mohd Fasiah bin Mohd. Fakeh

■1130

78. Yang Berhormat Datuk Jumat bin Haji Idris
79. Yang Berhormat Tuan William @ Nyallau anak Badak
80. Yang Berhormat Prof. Dr. Ismail bin Daut
81. Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad
82. Yang Berhormat Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur
83. Yang Berhormat Ir. Shahrudin bin Ismail
84. Yang Berhormat Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim
85. Yang Berhormat Tuan Shabudin bin Yahaya
86. Yang Berhormat Datuk Koh Nai Kwong
87. Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan
88. Yang Berhormat Tuan Rozman bin Isli
89. Yang Berhormat Puan Hajah Normala binti Abdul Samad
90. Yang Berhormat Datuk Hajah Norah Abd. Rahman
91. Yang Berhormat Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail
92. Yang Berhormat Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid

93. Yang Berhormat Tuan Anyi Ngau

■1140

94. Yang Berhormat Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad
95. Yang Berhormat Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh
96. Yang Berhormat Dato' Hasbullah bin Osman
97. Yang Berhormat Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad
98. Yang Berhormat Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan
99. Yang Berhormat Tengku Razaleigh Hamzah
100. Yang Berhormat Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa
101. Yang Berhormat Tan Sri Mohd. Isa bin Abdul Samad
102. Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis
103. Yang Berhormat Datuk Bung Moktar bin Radin
104. Yang Berhormat Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum
105. Yang Berhormat Dato' Seri Tiong King Sing
106. Yang Berhormat Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad
107. Yang Berhormat Datuk Seri Haji Noh bin Omar
108. Yang Berhormat Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor
109. Yang Berhormat Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said
110. Yang Berhormat Dato' Seri Liow Tiong Lai

■1150

111. Yang Berhormat Dato' Wira Othman bin Abdul
112. Yang Berhormat Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah
113. Yang Berhormat Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong
114. Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Mohamed
115. Yang Berhormat Datuk Joseph Salang anak Gandum
116. Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah
117. Yang Berhormat Dato' Seri Ong Ka Chuan
118. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh
119. Yang Berhormat Datuk Wee Jeck Seng
120. Yang Berhormat Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh
121. Yang Berhormat Datuk Chua Tee Yong
122. Yang Berhormat Tan Sri William Mawan Ikom
123. Yang Berhormat Dato' Noraini binti Ahmad
124. Yang Berhormat Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah
125. Yang Berhormat Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim
126. Yang Berhormat Datuk Johari bin Abdul Ghani
127. Yang Berhormat Dato' Ahmad Fauzi Zahari

128. Yang Berhormat Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir

■ 1200

- 129. Yang Berhormat Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz
- 130. Yang Berhormat Datuk Seri Reezal Merican
- 131. Yang Berhormat Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub
- 132. Yang Berhormat Datuk Ronald Kiandee
- 133. Yang Berhormat Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said
- 134. Yang Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim
- 135. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang
- 136. Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang
- 137. Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng
- 138. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim
- 139. Yang Berhormat Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar
- 140. Yang Berhormat Tuan Tan Kok Wai
- 141. Yang Berhormat Tuan Mohamed Azmin bin Ali
- 142. Yang Berhormat Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff
- 143. Yang Berhormat Puan Nurul Izzah binti Anwar
- 144. Yang Berhormat Puan Teresa Kok Suh Sim
- 145. Yang Berhormat Tuan M. Kulasegaran
- 146. Yang Berhormat Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan

■ 1210

- 147. Yang Berhormat Dato' Mansor bin Othman
- 148. Yang Berhormat Tuan Chong Chieng Jen
- 149. Yang Berhormat Tuan Loke Siew Fook
- 150. Yang Berhormat Tuan Nasrudin bin Hassan
- 151. Yang Berhormat Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli
- 152. Yang Berhormat Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua
- 153. Yang Berhormat Puan Hajah Fauziah binti Salleh
- 154. Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw
- 155. Yang Berhormat Tuan Fong Kui Lun
- 156. Yang Berhormat Dato' Kamarudin bin Jaffar
- 157. Yang Berhormat Dato' Takiyuddin bin Hassan
- 158. Yang Berhormat Dr. Siti Mariah binti Mahmud
- 159. Yang Berhormat Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin
- 160. Yang Berhormat Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa
- 161. Yang Berhormat Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin
- 162. Yang Berhormat Tuan R. Sivarasa

■1220

- 163. Yang Berhormat Tuan William Leong Jee Keen
- 164. Yang Berhormat Dato' Ngeh Koo Ham
- 165. Yang Berhormat Tuan Nga Kor Ming
- 166. Yang Berhormat Tuan Tony Pua Kiam Wee
- 167. Yang Berhormat Teo Nie Ching
- 168. Yang Berhormat Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin
- 169. Yang Berhormat Tuan Hee Loy Sian
- 170. Yang Berhormat Tuan Gobind Singh Deo
- 171. Yang Berhormat Liew Chin Tong
- 172. Yang Berhormat Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli
- 173. Yang Berhormat Dato' Johari bin Abdul
- 174. Yang Berhormat Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy
- 175. Yang Berhormat Tuan Sivakumar Varatharaju
- 176. Yang Berhormat Tuan Idris bin Haji Ahmad
- 177. Yang Berhormat Dr. Che Rosli bin Che Mat
- 178. Yang Berhormat Dr. Lee Boon Chye
- 179. Yang Berhormat Tuan Sim Tze Tzin

■1230

- 180. Yang Berhormat Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad
- 181. Yang Berhormat Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz
- 182. Yang Berhormat Tuan Karpal Singh
- 183. Yang Berhormat Puan P. Kasthuriraani A/P Patto
- 184. Yang Berhormat Tuan Zairil Khir Johari
- 185. Yang Berhormat Dato' Kamarul Baharin bin Abbas
- 186. Yang Berhormat Dato' Fauzi bin Abdul Rahman
- 187. Yang Berhormat Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali
- 188. Yang Berhormat Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli
- 189. Yang Berhormat Tuan Charles Anthony Santiago
- 190. Yang Berhormat Tuan Su Keong Siong
- 191. Yang Berhormat Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid
- 192. Yang Berhormat Dato' Dr. Tan Kee Kwong
- 193. Yang Berhormat Tuan Sim Tong Him

■1240

- 194. Yang Berhormat Puan Alice Lau Kiong Yieng
- 195. Yang Berhormat Tuan Teo Kok Seong
- 196. Yang Berhormat Tuan Khalid bin Abd. Samad

197. Yang Berhormat Dr. Michael Jeyakumar Devaraj
198. Yang Berhormat Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz
199. Yang Berhormat Tuan Ignatius Dorell Leiking
200. Yang Berhormat Lim Lip Eng
201. Yang Berhormat Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah
202. Yang Berhormat Tuan Ooi Chuan Aun
203. Yang Berhormat Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh
204. Yang Berhormat Tuan Manivannan a/l Gowindasamy
205. Yang Berhormat Dr. Michael Teo Yu Keng
206. Yang Berhormat Tuan Julian Tan Kok Ping
207. Yang Berhormat Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah
208. Yang Berhormat Tuan Ng Wei Aik
209. Yang Berhormat Dr. Ong Kian Ming
210. Yang Berhormat Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid

■1250

211. Yang Berhormat Tuan Seah Leong Peng
212. Yang Berhormat Dr. Azman bin Ismail
213. Yang Berhormat Tuan Sim Chee Keong
214. Yang Berhormat Tuan Wong Ling Bui
215. Yang Berhormat Dr. Izani bin Husin
216. Yang Berhormat Datuk Mohd Idris bin Jusi
217. Yang Berhormat Tuan Oscar Ling Chai Yew
218. Yang Berhormat Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary
219. Yang Berhormat Tuan Wong Chen
220. Yang Berhormat Tuan Ko Chung Sen
221. Yang Berhormat Tuan Er Teck Hwa
222. Yang Berhormat Tuan Gooi Hsiao-Leung

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, alhamdulillah upacara mengangkat sumpah selesai dan telah berjalan dengan lancar, teratur, tertib dan ada kalanya lucu. *[Ketawa]* Saya ucapkan tahniah kepada semua Ahli Yang Berhormat. Untuk urusan seterusnya.

MEMILIH DUA ORANG TIMBALAN YANG DI-PERTUA

Perdana Menteri [Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Yang Berhormat Datuk Ronald Kiandee, Ahli dari Beluran dan Yang Berhormat Dato Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, Ahli dari Kuala Krau dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. *[Tepuk]*

Timbalan Perdana Menteri [Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong cadangan itu. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Oleh sebab hanya dua ahli sahaja yang telah dicadangkan dan disokong untuk memenuhi kedua-dua jawatan Timbalan Yang di-Pertua mengikut...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: ...Maka mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 6(2)...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, sila duduk Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Kita memang...

Tuan Yang di-Pertua: Duduk dahulu Yang Berhormat. *[Dewan riuh]* Ahli-ahli Yang Berhormat harus faham bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 4, untuk memilih Timbalan-timbalan Yang di-Pertua, caranya adalah seperti Tuan Yang di-Pertua iaitu 14 hari sebelum persidangan pertama seperti hari ini. *[Dewan riuh]* Mesti ada notis, ada cadangan. Kalau pihak pembangkang ada cadangan, kenapa tidak buat awal-awal? Jadi saya tidak boleh melonggarkan peraturan mesyuarat yang nyata jelas yang kita semua sudah sedia maklum, terima kasih.

Saya ulang balik Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab hanya dua orang ahli-ahli sahaja yang telah dicadangkan dan disokong untuk memenuhi kedua-dua jawatan Timbalan Yang di-Pertua, maka mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 6(2), dibaca bersama Peruntukan Mesyuarat 4(3), saya dengan ini memasyhurkan bahawa Yang Berhormat Datuk Ronald Kiandee, Ahli daripada Beluran dan Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, Ahli dari Kuala Krau dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. *[Tepuk]*

Dengan itu saya mempersilakan kedua-dua Timbalan Tuan Yang di-Pertua mengambil tempat yang telah disediakan. Sila.

[Timbalan-timbalan Yang di-Pertua mengambil tempat yang disediakan]

USUL

JALAN-JALAN MASUK KE PARLIMEN

12.58 tgh.

Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

"Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama penggal Dewan Rakyat yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini. Jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan Dewan ini; dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu".

Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah usul oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri yang telah dibacakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, maka selesailah sudah urusan kita pada hari ini. Saya dengan ini menangguhkan Majlis Mesyuarat ke hari esok, Selasa 25 Jun 2013, jam 10 pagi. Terima kasih. *[Tepuk]* Dewan ditangguhkan.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 1.02 petang]